

**PERPANJANGAN KONTRAK KERJA KE-.....**

Perjanjian ini dibuat pada .....diantara

**Nama Syarikat** : .....

**Alamat Syarikat** : .....

.....

.....

.....

.....

**No. Telp & Fax** : .....

("Selepas ini dinamakan Majikan) dengan

**Nama Pekerja** : .....

**No. Passpor** : .....

Warganegara Indonesia,

( selepas ini dinamakan " Pekerja ")

Dengan ini adalah dipersetujui syarat-syarat yang berikut :

**1. JAWATAN : CONSTRUCTION**

**2. TEMPOH KONTRAK : 1 TAHUN.** Tambahan tempoh kontrak kerja boleh disambung dengan persetujuan majikan dan kelulusan daripada Kerajaan Malaysia.

Perpanjangan kontrak kerja tahun berikutnya, di *endorsement* oleh Perwakilan RI dan TKI diharuskan memiliki asuransi di Indonesia, dengan memperpanjang asuransinya di perwakilan asuransi di luar negeri (PERWALU) yang berada di Malaysia.

3. TEMPAT KERJA : Syarikat .....

Alamat :

.....  
.....

#### 4. TEMPOH KERJA

Perjanjian ini hanya sah diperakuan bagi tempoh 1 (satu) tahun dari tarikh pengesahan perpanjangan kontrak kerja.

Di akhir tempoh penamatan, Perjanjian ini boleh dilanjutkan kepada satu (1) tahun lagi dengan mendapat persetujuan kedua-dua belah pihak dan tetakluk kepada pematuhan peraturan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Malaysia.

#### 5. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- a) Pekerja mestilah menunjukkan mutu kerja yang baik dan mematuhi segala arahan yang diberikan oleh majikan melalui pegawai-pegawai yang dilantik dari masa kemasa.
- b) Pekerja mestilah bekerja untuk majikan ataupun syarikat ini sahaja dan dilarang bekerja di mana-mana tempat lain.
- c) Pekerja mestilah bersikap bertanggungjawab dan penuh dedikasi di atas segala tugas yang ditetapkan.
- d) Pekerja mestilah sentiasa menjaga perlakuan diri, budi bahasa dan sentiasa menghormati majikan atau wakil-wakilnya, teman sekerja dan masyarakat sekeliling.
- e) Pekerja mestilah menghormati kebudayaan, tata-susila dan cara hidup orang-orang tempatan dan undang-undang Malaysia.
- f) Pekerja mestilah mematuhi semua peraturan yang ditetapkan oleh syarikat seperti yang tertera di dalam buku peraturan dan syarat-syarat kerja dan ketetapan yang dibuat untuk asrama syarikat.
- g) Pekerja boleh diambil atau dikenakan tindakan **TATA TERTIB / DISIPLIN** jika didapati melanggar mana-mana peraturan kerja yang telah ditetapkan ataupun **undang-undang perburuhan** Malaysia.

## 6. KADAR UPAH (SISTEM GAJI)

- TKI akan digaji secara harian sebesar RM.....
- Jika hari hujan maka gaji tidak dibayar namun TKI akan diberi pekerjaan over time yang lebih pada keesokkan harinya untuk menutupi kekurangan pendapatan pada hari tidak bekerja disebabkan hujan.
- Jika TKI tidak bekerja disebabkan kerana syarikat tidak dapat menyediakan pekerjaan yang mencukupi maka TKI akan dibayar gaji penuh sebesar RM40.00 / hari bergantung kepada bagian pekerjaan.
- Gaji akan dibayar satu (1) kali dalam sebulan pada tanggal tujuh (7) bulan berikutnya melalui akaun / rekening Bank yang ditentukan perusahaan.

## 7. WAKTU BEKERJA

TKI akan bekerja selama delapan (8) jam per hari dan enam (6) hari

Dalam seminggu dan jadual kerjanya diatur oleh Perusahaan.

## 8. ELAUN (TUNJANGAN) LAIN-LAIN

Tidak ada.

## 9. ELAUN / TUNJANGAN KERJA LEMBUR (KERJA LEBIH MASA)

Perusahaan ini juga menyediakan pekerjaan lebih masa (OT).

## 10. UPAH LEMBUR (KERJA LEBIH MASA)

Diatur mengikut undang-undang buruh Malaysia 1955 dengan uraian sebagai berikut:

- Hari Biasa:  $\frac{\text{Hari Kerja Normal (26)}}{8} \times 1.5 = \text{RM}$
- Hari Istirehat Mingguan:  $\frac{\text{Hari Kerja Normal}}{8} \times 2.0 = \text{RM}$

-	Hari Cuti Umum:	Hari Kerja Normal ----- 8	X 3.0 = RM
---	-----------------	---------------------------------	------------

## 11. CUTI

Perusahaan ini memberikan cuti kerja kepada TKI sesuai undang-undang Kerajaan Malaysia sebagai berikut:

- Cuti Am (Public Holiday) selama sepuluh (10) hari setahun dan upah dibayar. Bila bekerja dibayar upah lembur (OT) sesuai Undang-undang Buruh Malaysia.
- Cuti Sakit / MC (Medical Certificate) diberikan sebanyak empat belas (14) hari per tahun maksimum dan upah dibayar.
- Cuti Rawatan Inap (Wad) enam puluh (60) hari dan upah dibayar.
- Cuti tahunan berupah disediakan sebagai berikut:
  - a. 1 tahun berkhidmat = 8 hari
  - b. 2 hingga 5 tahun berkhidmat = 12 hari
  - c. > 5 tahun berkhidmat = 16 hari
- Cuti rehat mingguan 1 (satu) hari dalam seminggu dan upah tidak dibayar.

## 12. KOS (BIAYA) PENGANGKUTAN TKI YANG DITANGGUNG EMPLOYER DARI MALAYSIA KE INDONESIA.

- Bila TKI ingin bercuti ke Indonesia setelah selesai kontrak 1 (satu) tahun dan akan memperpanjangkan kontrak kerjanya maka biaya tiket untuk cuti tersebut ditanggung oleh pekerja
- Bila TKI diputuskan hubungan kerja karena habis kontrak dan tidak diperpanjang lagi (akhir perkhidmatan). Biaya tiket yang ditanggung adalah tiket pesawat udara dari Malaysia ke airport Indonesia terdekat dengan alamat tempat tinggal pekerja di Indonesia.
- Bila TKI diberhentikan bekerja (Pemutusan Hubungan Kerja / PHK) oleh perusahaan bukan karena kesalahan TKI (misalnya PHK karena kebijaksanaan Kerajaan Malaysia, perusahaan mengurangkan pekerja dan sebagainya). Biaya tiket yang ditanggung adalah tiket pesawat udara pulang dari Malaysia ke airport Indonesia terdekat dengan alamat tempat tinggal pekerja di Indonesia.

## 13. KOS (BIAYA) PENGANGKUTAN YANG DI TANGGUNG TKI DARI MALAYSIA KE INDONESIA

- Bila TKI diberhentikan kerja karena salah laku (kesalahan TKI)
- Bila TKI mengundur diri dari perusahaan.
- Bila TKI ingin pulang ke Indonesia untuk bercuti sebelum masa kontrak berakhir (cuti emergency dan sebagainya).

## 14. PERALATAN DAN ALAT KESELAMATAN KERJA

- Pekerja dikehendaki menjaga dan meyimpan dengan baik segala peralatan yang diberikan oleh majikan.
- Pekerja akan memulangkan segala peralatan bila diarahkan oleh Majikan atau setelah penamatan perkhidmatan atas apa jua sebab penamatan tersebut.
- Peralatan kerja disediakan sesuai bidang pekerjaannya oleh perusahaan.
- Pakaian seragam kerja disediakan oleh perusahaan bila perlu
- Alat keselamatan kerja di sediakan oleh perusahaan seperti helmet, sepatu bot dan sarung tangan dan sesuai dengan bidang pekerjaannya berdasarkan undang-undang kerajaan Malaysia. Dan jika sengaja hilang, lalai atau dirosakkan maka akan dipertanggungjawabkan kepada pekerja (TKI).
- Pekerja tidak dibebankan biaya pengantian peralatan jika peralatan tersebut sudah tidak layak pakai dan bukan karena kesalahan pekerja.

## 15. FAEDAH LAIN-LAIN (FASILITAS)

### a. Perumahan

- TKI akan disediakan tempat tinggal (asrama) dalam bentuk rumah kongsi atau barak yang dibuat dari papan dan beratap zeng atau kontiner dengan luas 4x5 dan akan dihuni oleh dua (2) hingga empat (4) orang TKI secara percuma (gratis).
- Setiap kamar dilengkapi dengan alat tidur seperti katil susun (double decker), tilam, bantal dan satu kipas angin di dalam kamar / bilik tidur dan percuma (gratis).

- Penggunaan air dan api (listrik) akan ditanggung sepenuhnya oleh majikan.
- Peralatan dapur disediakan oleh perusahaan seperti dapur gas, tong gas, peti sejuk, seterika, pinggan, mangkuk, periuk, sudu, gelas, cawan, cerek air, periuk nasi, almari, meja makan disediakan percuma gratis. (Isi tong gas buat pertama kali sahaja ditanggung oleh majikan dan seterusnya dibeli oleh TKI). Untuk keperluan makan di asrama menjadi tanggungjawab TKI.

**b. Transportasi dari dan ke tempat kerja**

- Pengangkutan TKI dari asrama ke tempat kerja tidak disediakan kerana jarak tempat kerja sangat dekat kecuali apabila diperlukan, syarikat akan menyediakan pengangkutan secara gratis.

**c. Rawatan dan Perubatan**

- Perusahaan tidak menyediakan fasilitas klinik panel (Klinik Kesihatan) tetapi TKI dapat berubat pada mana-mana klinik yang terdekat dengan lokasi kerja dan biaya perawatan / perubatan ditanggung oleh syarikat dengan percuma / gratis.
- Jika TKI sakit dan harus diopname (masuk wad) perusahaan akan memberikan fasilitas kelas tiga (3). Pembayaran perawatan dan perubatan akan ditanggung sepenuhnya oleh perusahaan mengikut Undang-undang Buruh Tahun 1955.

**d. Kecelakaan (Accident)**

Seluruh TKI adalah dilindungi dengan asuransi perlindungan kecelakaan peribadi (personal insurans) selama 24 jam (di dalam atau di luar jam kerja) di bawah skim ansuransi perusahaan.

**e. Kematian**

Bila terjadi kematian kerana kecelakaan kerja atau bukan kerana kecelakaan kerja (sakit biasa dan sebagainya), syarikat akan menanggung seluruh kos pengurusan jenazah untuk dihantar balik ke daerah asal di Indonesia.

**f. Fasilitas di tempat kerja**

Surau disediakan untuk kegunaan beribadah dengan fasilitas air, api (listrik), bilik mandi (toilet)

g. **Pampasan kerja (Kompensasi)**

Pampasan (Kompensasi) bentuk lain akan dipertimbangkan oleh perusahaan tetapi bukan menjadi tuntutan TKI.

h. **Bonus**

Perusahaan tidak menyediakan pembayaran berbentuk bonus kepada TKI.

i. **Fomema**

Pemeriksaan kesehatan (Fomema) ditanggung oleh majikan

**16. SUBSIDI LEVY & LARANGAN MEMOTONG UPAH TKI ( DEDUCTION ).**

- Majikan membayar dan memsubsidi levy dan seluruh biaya yang termasuk didalamnya sesuai dengan regulasi yang berlaku. Jika hal ini dilanggar maka pekerja atau PPTKI atau KBRI berhak mengajukan tuntutan ke Jabatan Tenaga Kerja Malaysia.
- Sekiranya majikan telah mendapatkan surat kelulusan dari Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), maka Levy dapat dibebankan kepada pekerja dengan memotong gaji pekerja selama 12 bulan.
- Upah TKI tidak dibenarkan dipotong (Deduction) untuk jasa (fee) mana-mana agensi. Pemotongan lain-lainnya tidak dibenarkan kecuali untuk kepentingan TKI atau keluarganya di Indonesia dan harus atas permintaan TKI sendiri secara tertulis kepada majikan.

**17. LARANGAN MEMBAWA KELUARGA DAN BERKAHWIN**

TKI tidak dibenarkan membawa keluarga dan tidak dibenarkan pula berkahwin sesama TKI sendiri atau dengan pekerja asing lainnya atau dengan penduduk tempatan tanpa kebenaran khusus dari kerajaan Malaysia.

**18. KESEHATAN**

- TKI yang dibenarkan masuk dan bekerja di Malaysia adalah dinyatakan sehat dan diperiksa oleh rumah sakit yang dilantik / ditunjuk oleh kerajaan Malaysia dan Indonesia dengan biaya perusahaan.

- Setiba TKI di Malaysia dalam masa selambat-lambatnya tiga puluh (30) hari dilakukan pemeriksaan kesehatan di rumah sakit / tempat pemeriksaan kesehatan yang dilantik / ditunjuk oleh Kerajaan Malaysia dengan biaya dan perusahaan guna persyaratan mendapatkan permit kerja.
- Jika dalam pemeriksaan kesehatan di Malaysia tersebut TKI dinyatakan tidak lulus, maka perusahaan mengupayakan pemeriksaan ulang di tempat pemeriksaan kesehatan lain yang dilantik / ditunjuk oleh Kerajaan Malaysia untuk memastikan dan atau membandingkan dengan hasil pemeriksaan kesehatan sebelumnya.
- Jika dalam pemeriksaan ulang tersebut TKI tetap dinyatakan tidak memenuhi syarat, maka TKI harus segera dipulangkan ke Indonesia dengan biaya yang tidak dibebankan kepada TKI.

## **19. HAD UMUR (BATAS UMUR TKI)**

Batas umur TKI yang boleh bekerja di syarikat ini adalah di antara 18 hingga 45 tahun sahaja.

## **B. PERBEZAAN PENDAPAT (PERSELISIHAN FAHAM)**

Bila berlaku perbezaan pendapat (perselisihan faham / salah pengertian) antara perusahaan (Employer) dengan TKI maka perlu diamalkan hal-hal seperti berikut:

- Pihak perusahaan dan TKI akan bekerjasama melalui musyawarah untuk menyelesaikan hal yang terbabit.
- Bila diperlukan pihak perusahaan akan merujuk kepada jabatan buruh dan jabatan Imigresen dan mana-mana pihak kerajaan Malaysia.
- Pihak kedutaan Indonesia atau Konsulat Republik Indonesia di Malaysia akan diminta untuk memfasilitasi penyelesaian perselisihan faham yang terjadi antara employer dengan TKI atas persetujuan pihak berwenang Kerajaan Malaysia.
- Semua keputusan yang dibuat harus tunduk dan mengikut undang-undang Malaysia .

## **C. PEMBATALAN PERMIT KERJA (IZIN KERJA) TKI**

Employer berhak membatalkan permit kerja (working permit) bila berlaku salah dari TKI yang melanggar undang-undang kerajaan Malaysia (tindakan jenayah, lari dari perusahaan dan sebagainya). Walau bagaimanapun semua keputusan akan dibuat atas budi bicara pihak perusahaan / Employer setelah diadakan perbincangan teliti dan



# **CONSTRUCTION**

perundingan yang dilakukan dengan semua pihak terbabit di Malaysia. Untuk ini pihak Kedutaan / Konsulat Indonesia akan diberitahukan.

## **D. PENUTUP**

Demikianlah Perjanjian Kontrak Kerja ini dibuat untuk diketahui dan dijamin oleh semua pihak yang berkepentingan di Malaysia antara Employer dan TKI. Adapun dengan ini dipersetujui kontrak perjanjian kerja diatas untuk kedua belah pihak.

Perjanjian ini telah dipersetujui dan ditandatangani dengan persaksian di antara Pekerja dengan Majikan pada tanggal \_\_\_\_\_

### **MAJIKAN**

### **PEKERJA**

\_\_\_\_\_  
Nama :

Mobile Nombor :

\_\_\_\_\_  
Nama :

Mobile Nombor :

### **SAKSI**

\_\_\_\_\_  
Nama :

Mobile Nombor :

